

Negara Islam perlu pameran semangat bersatu

Daripada Mahfar Ali

BH 1 0 NOV 2000

DOHA, Khamis – Negara-negara Islam perlu menunjukkan bahawa mereka bersatu jika mahu kedudukan mereka diterima oleh pandangan dunia, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

“Apa yang penting sekarang ialah kita harus me-

ngetepikan sebarang perbezaan pendapat yang boleh memecah-belahkan kita,” katanya kepada wartawan Malaysia sebelum menghadiri mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di sini hari ini.

Beliau mengulas anca-

man beberapa anggota OIC untuk memulaukan sidang itu jika Qatar masih meneruskan hubungan dagang dengan Israel di sebalik tindakan rejim Yahu-di itu meningkatkan serangan di wilayah Palestin yang sejak enam minggu lalu sudah mengorbankan

kira-kira 200 orang.

Menteri luar OIC memulaukan mesyuarat persediaan di sini hari ini ketika dunia Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran politik dan ekonomi yang memerlukan perhatian segera.

Mereka dijangka merangka agenda dan meng-

kaji semula draf resolusi yang disediakan pegawai kanan sebelum dikemukakan pada sidang kemuncak pemimpin kerajaan.

Sidang kemuncak tiga hari itu yang bermula Ahad ini antara lain bertujuan mengukuhkan perpaduan dan kerjasama antara ne-

gara Islam dalam bidang politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan saintifik.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka tiba Sabtu ini dan berucap pada majlis perjumpaan dengan peniaga dan intelek Islam.